

19 JUL 2004

Najib-mercu tanda (Bergambar)

BANGUNAN MERCU TANDA PERDANA KENANG JASA SEMUA PM

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Bangunan Mercu Tanda Perdana akan dibina di sini bagi mengenang jasa dan sumbangan kesemua Perdana Menteri, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ia adalah sebagai tanda, sebagai simbol, sebagai manifestasi penghargaan rakyat yang tidak terhingga kepada semua Perdana Menteri Malaysia," kata Timbalan Perdana Menteri pada satu sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata, bangunan mercu tanda itu akan dibina di Taman Bukit Puteri, Presint 4, dengan kos RM40 juta.

Najib, yang juga penaung projek itu berkata, kos pembinaan bangunan itu akan dibiayai sepenuhnya melalui sumbangan pelbagai pihak termasuk sektor korporat dan individu.

Buat permulaan, satu majlis makan malam akan dianjurkan untuk mengutip sumbangan bagi mengisi tabung pembinaan bangunan itu, katanya.

Bangunan Mercu Tanda Perdana berbentuk geometrik dan mempunyai dua komponen utama iaitu monumen keris dan bangunan galeri pameran.

Monumen keris yang mempunyai reka bentuk lima bilah keris adalah melambangkan lima Prinsip Rukun Negara dan lima rukun Islam yang turut melambangkan kedaulatan negara dan bangsa Melayu,

Setiap keris mempunyai sembilan lok membawa simbol sembilan cabaran dalam Wawasan 2020 dan sembilan negeri berdaulat.

Struktur bangunan galeri yang berbentuk bulan sabit mempunyai sembilan buah galeri termasuk lima dikhaskan sebagai ruang pameran yang diisi bahan-bahan atau artifak peninggalan lima Perdana Menteri - Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bangunan Mercu Tanda Perdana juga akan dilengkapi ruang auditorium untuk majlis rasmi dan persembahan teater.

Ia turut mempunyai menara tinjau yang dilengkapi teleskop bagi membolehkan pelawat melihat panorama kawasan sekeliling pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.

Najib berkata pembinaannya akan bermula Oktober ini dan dijangka siap

pada Ogos 2006.

-- BERNAMA

RIZ MAI